



SIARAN AKHBAR

THE FINTECH SANDBOX

Bangunan *Design and Technology*, Anggerek Desa

Hari Isnin, 30 Jamadilawal 1438 bersamaan dengan 27 Februari 2017

-
1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengadakan acara 'The FinTech Sandbox' pada hari ini, Hari Isnin, 30 Jamadilawal 1438 bersamaan dengan 27 Februari 2017, di Bangunan *Design and Technology*, Anggerek Desa.
 2. Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan kata alu-aluan oleh Tetamu Kehormat Majlis, Yang Mulia Awg Yusof bin Hj Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD. Dalam kata-kata alu-aluannya, YM Awg Yusof mengongsikan bahawa industri kewangan global, pada masa ini, berdepanan dengan perkembangan inovatif yang berterusan, termasuk perkembangan *FinTech*. YM Awg Yusof juga mengongsikan langkah-langkah yang telah diambil oleh AMBD dalam menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat *FinTech* di Negara Brunei Darussalam sambil memastikan kestabilan industri kewangan negara ini sentiasa terpelihara.
 3. Acara diteruskan dengan pelancaran 'FinTech Office AMBD', iaitu satu pejabat *online*, yang bertujuan untuk memudahkancarakan perkara-perkara dan isu-isu, termasuk pertanyaan, yang berkaitan dengan *FinTech* di Negara Brunei Darussalam. Satu garispandu, iaitu *FinTech Regulatory Sandbox Guidelines*, juga turut dilancarkan. Garispandu ini akan membolehkan syarikat-syarikat *FinTech* untuk menguji produk atau *solution* kewangan mereka dengan cara yang selamat dan cekap sambil menerima sokongan dari segi pengawalseliaan AMBD.
 4. Acara tersebut telah dihadiri oleh pelbagai *stakeholders* termasuk agensi-agensi kerajaan dan pengawalselia yang berkenaan, syarikat-syarikat teknologi, waki-wakil dari industri kewangan, usahawan-usahawan serta penuntut-penuntut dari institusi-institusi pendidikan tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 30 Jamadilawal 1438/ 27 Februari 2017

Reference: AMBD/COMMS/3